



Author: No author available • Section: Nasional • Audience : 82,252 • Page: 12
 Printed Size: 343.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white
 ASR: MYR 5,782.00 • Item ID: MY0039464017

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Tambah baik undang-undang elak kes pencemaran sungai berleluasa

Ketika kerajaan dan masyarakat bertungkus-lumus memutuskan bertarantai COVID-19, masih ada mengambil kesempatan melakukan onar mencemarkan Sungai Selangor yang menjadi punca utama bekalan air mentah penduduk di sebahagian Lembah Klang.

Walaupun menyedari kepentingan sungai, masih ada pihak mencemari sungai melalui pelbagai aktiviti 'haram'. Pada 2019, 229 daripada 473 sungai di seluruh negara tercemar dan jumlah ini kian meningkat.

Keadaan sungai di negara ini semakin tenat, terutama akibat pembuangan sisa industri. Kebanyakannya sungai semakin lesu dengan penampilan kotor, busuk dan dipenuhi sampah.

Kualiti air dilaporkan rendah pada tahap kelas 3 dan ada juga amat teruk pada tahap kelas 5. Industri, pertanian, pembalakan dan pengorekan pasir ialah kegiatan utama mencemari sungai.

Kualiti air sungai dan krisis bekalan air kerap melanda negara berkait antara satu sama lain.

Sungai tercemar misalnya oleh tumpahan arsenik, ammonia dan diesel dalam kuantiti banyak akan menyebabkan operasi Loji Rawatan Air (LRA) dihentikan

sementara waktu.

Ia bagi memastikan bahan kimia tidak masuk ke dalam sistem rawatan air bersih, sekali gus mengganggu kualiti air diterima pengguna.

Ketika inilah krisis bekalan air berlaku yang akhirnya menjekasakan jutaan pengguna.

Sungai Selangor antara sungai kerap dicemari. Sepanjang empat bulan pertama tahun ini, tiga kali ia dicemari.

Terbaru pada 16 April, pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) memaklumkan LRA Fasa 1 (SSP1), Fasa 2 (SSP2), Fasa 3 (SSP3) dan Rantau Panjang terpaksa dihenti tugas akibat pencemaran bau dikesan pada sumber air mentah.

Tindakan ini menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjадual berlaku di tujuh kawasan termasuk Kuala Lumpur dan memberi kesan kepada 1,292 kawasan membabitkan 1.2 juta akaun pengguna.

Persoalannya, sampai bilakah ia harus dibiar? Salah siapa perkara ini gagal dikekang? Apakah kelemahan aspek perundangan punca atau penguatkuasaan?

Dari aspek perundangan misalnya, Akta Kualiti Alam Sekeliling membenarkan hanya premis dilesenkan, tertakluk kepada syarat

dan had lesennya boleh melepaskan atau membuang hasil buangan ke dalam air daratan (air pedalam termasuk sungai).

Modus operandi seperti ini hanya mengawal pembuangan bahan cemar melalui perlesenan dan bukannya mencegah atau mengharamkan pembuangan bahan mencemar ini secara terus.

Seksyen 69, Akta Kerajaan Tempatan 1976 pula memperuntukkan perkara berkaitan melaksanakan pencemaran sungai dalam kawasan pihak berkuasa tempatan dianggap melakukan kesalahan dan jika disabitkan, boleh didenda atau dipenjarakan.

Namun, apakah jumlah denda terlalu rendah dan tidak setimpal dengan kesalahan dilakukan berbanding kos untuk memulih atau membersihkan sungai yang tercemar?

Meskipun Seksyen 71 memperuntukkan pihak berkuasa tempatan (PBT) boleh menuntut kos membaik pulih sungai kepada pelaku kesalahan itu, timbul pertanyaan sudah berapa banyak pesalah yang dituntut membayar kos pembersihan sungai?

Ini membuktikan, walaupun pelbagai peraturan dan undang-undang diwartakan untuk mencegah pencemaran sungai,

kegiatan tidak bertanggungjawab tetap berterusan.

Hakikatnya terdapat pelbagai perundangan berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan sungai berada di bawah pelbagai agensi penguatkuasaan yang akhirnya menimbulkan permasalahan, kelompongan dan kelemahan dalam tadbir urus sungai.

Ia akhirnya membawa kepada tuding-menudung antara agensi apabila berlaku pencemaran sungai. Malah, berlaku pertindihan bidang kuasa dan ketidakcukupan kakitangan untuk tindakan penguatkuasaan selain ditambah kekangan kewangan dan teknologi pemantauan.

Peruntukan undang-undang masih mempunyai ruang diperbaiki bagi mengelakkan kes pencemaran di kawasan sumber air mentah terus berlaku.

Pemantauan dan pencegahan pihak berkuasa perlu ditingkat dan diperketat, selain penguatkuasaan di sepanjang jajaran sungai khususnya terhadap industri yang dibina berhampiran sungai dalam mencegah aktiviti yang memudarati sungai.

Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman, UPM



21 Apr 2020

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Audience : 82,252 • Page: 15
Printed Size: 164.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 5,430.00 • Item ID: MY0039464065



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Akad nikah melalui sidang video

Pelaksanaan perlu kelulusan khas JAIS

Shah Alam: Majlis akad nikah di Selangor dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) boleh melakukannya melalui sidang video mulai semalam, dengan syarat mendapat kelulusan khas Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Pengarah JAIS, Mohd Shahzihan Ahmad memaklumkan tatacara terperinci serta ketetapan baharu yang strategik disediakan bagi memastikan pelaksanaan majlis itu menepati hukum, dilaksanakan dengan standard yang wajar, mudah difahami serta diikuti oleh pasangan yang terbabit kerana kaedahnya lain daripada kebiasaan.

“Sebelum ini, semua majlis akad nikah dalam tempoh PKP ditangguhkan selepas lima jumrudikah JAIS dikuarantin kerana ada kontak dengan individu positif COVID-19 semasa bertugas.

“Pada 13 April lalu, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan untuk JAIS memberikan kelulusan khas kepada pasangan yang tetap ingin bernikah dalam tempoh PKP ini. Justeru, kita menguatkuaskan

akad nikah secara kebenaran khas mulai hari ini (semalam) melalui lima langkah yang ditetapkan,” katanya semalam.

Pengarah JAIS akan memberi kebenaran khas itu selepas mendapat permohonan lengkap dan pemohon diberi penerangan mengenai proses nikah.

Pemohon yang mendapat kebenaran khas itu akan dimaklumkan mengenai tarikh pernikahan dan mereka akan dinaikahkan melalui sidang video.

Pemohon kemudiannya perlu hadir ke Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) untuk mengemukakan slip perakuan nikah sementara bagi mendapatkan Surat Perakuan Nikah Negeri Selangor mengikut Seksyen 26 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003 selepas PKP tamat.

Pada 18 April lalu, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) melaksanakan majlis akad nikah bagi sepasang pengantin secara sidang video yang pertama itu membabitkan pasangan Muhammad Don Hadi Don Putra dan Nahdatul Aisah Mohd Shariff.

Penularan COVID-19

Bayar zakat dalam talian, pandu lalu

MAIN, AMZ diminta kurangkan interaksi fizikal, cegah COVID-19

Putrajaya: Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agenzia Mengurus Zakat (AMZ) diminta tidak menyediakan perkhidmatan kaunter zakat fitrah di tempat tumpuan orang awam seperti di pusat beli belah sepanjang Ramadan ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, berkata ia bertujuan bagi memutuskan rantai pandemik COVID-19.

Justeru, beliau meminta pihak berkaitan mengadakan inisiatif pembayaran zakat fitrah secara dalam talian sepanjang Ramadan bagi memudahkan umat Islam menuaikan kewajipan dengan lebih pantas dan selamat.

Bagaimanapun, katanya, golongan yang tidak mahir dengan teknologi, perkhidmatan pembayaran zakat fitrah melalui amil akan diadakan tetapi pada tahap minimum.

“Dalam hal ini, segala arahan dan tatacara kawalan yang ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu dipatuhi ketika urusan diadakan.

“Selain itu, beberapa cadangan pelaksanaan bayaran seperti secara pandu lalu, kutipan dari rumah ke rumah akan diadakan. Cara ini perlu dilakukan dalam tempoh yang singkat, selain memastikan pembayar dan amil sentiasa menjaga kebersihan, memakai penutup hidung dan mulut selain menggunakan cecair pembasmi kuman.

“Pembayar juga digalakkan untuk menyediakan wang secukupnya dan tidak perlu bersalaman ketika membuat pembayaran dan segera berdarat setelah selesai urusan,” katanya melalui hantaran facebooknya semalam.

Di Kuala Terengganu, Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM, M Rozi Bidin berkata, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) melantik 1,089 amil untuk memudahkan umat Islam yang tiada kemudahan akses internet atau tidak tahu menggunakan kemudahan bayaran secara dalam talian, bayar zakat fitrah.

Beliau berkata, umat Islam di



Beberapa cadangan pelaksanaan bayaran seperti secara pandu lalu, kutipan dari rumah ke rumah akan diadakan.

**Zulkifli Mohamad Al-Bakri,
 Menteri di Jabatan Perdana
 Menteri (Hal Ehwal Agama)**

negeri ini digalak mendapatkan bantuan ahli keluarga yang memahami dan mengetahui kaedah pembayaran zakat secara dalam talian.

M Rozi juga berkata, MAIDAM turut mengumumkan kadar fitrah tahun ini ditetapkan adalah RM7 seorang iaitu bersamaan 2.60 kilogram atau 2.97 cupk beras.

Di Kota Kinabalu, Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Datuk Dr Hasbullah Taha, berkata lima cadangan kaedah pungutan zakat oleh amil yang dilantik dikemukakan kepada MKN Sabah termasuk perkhidmatan amil bergerak dari rumah ke rumah, amil statik iaitu kekal berada di rumahnya dan pembayar akan datang untuk tujuan membayar zakat.

“Kita juga mencadangkan supaya diberi kelongsong untuk membuka kaunter di tempat seperti balai polis dan bomba, membuka kaunter di pejabat cawangan zakat dan fitrah di seluruh Sabah dan pembayaran zakat secara pandu lalu (drive-thru) di 20 jalan utama yang sudah dicadangkan sekitar bandaraya Kota Kinabalu,” katanya.

MUIS menetapkan kadar zakat fitrah di Sabah tahun ini sebanyak RM7.50 dan RM6 mengikut kemampuan pembayar serta ketua keluarga dan seramai 39 penyelaras amil dan 1,967 wakil amil dilantik untuk mengutip zakat fitrah di seluruh negeri sepanjang Ramadan tahun ini.

Di Kangar, Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) memperkenalkan

kemudahan pembayaran dalam talian menggunakan aplikasi SnapNPay dengan hanya mengimbas pada kod QR bagi memudahkan orang ramai menuaikan zakat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“MAIPs turut melaksana kutipan dalam talian melalui pemindahan wang ke akaun MAIPs di Bank Islam Malaysia Berhad (090 100 100 552 90) atau menggunakan perkhidmatan dalam talian Maybank2u dan CIMBClicks selain bakal melaksanakan sistem pembayaran melalui ‘Financial Process Exchange (FPX)’ titah baginda dalam laman portal rasmi MAIPs.

Di Shah Alam, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor (LZS), Saipolyazan Mat Yusop, berkata kadar zakat fitrah bagi umat Islam Selangor tahun ini sebanyak RM7 seorang, sama seperti tahun sebelumnya.

“LZS menyediakan pelbagai platform pembayaran dalam talian (online) melalui EZakatPay dengan melayari <https://fpz.zakatselangor.com.my> selain perbankan internet, MyEG, Pos Online, Aplikasi e-dompet GoPayz dan Boost. Kita turut meletakkan QR Code di lokasi terpilih untuk memudahkan masyarakat mengakses terus ke platform pembayaran atas talian EzakatPay,” katanya.

Di Johor Bahru, Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri, Tosrin Jarvanthi berkata, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) memutuskan pelaksanaan pembayaran zakat fitrah seluruh negeri ini dibuat secara dalam talian.

Beliau berkata, dua kadar zakat fitrah ditetapkan iaitu RM7 bagi umat Islam yang menjadikan makannya hariannya beras daripada jenis Super Tempatan manakala RM10 bagi umat Islam yang menjadikan makannya hariannya beras selain Super Tempatan iaitu beras import seperti beras wangi, beras basmathi dan lain-lain.

“MAINJ memutuskan bagi tahun ini, amil fitrah tidak ditugaskan membuat pungutan zakat fitrah dan pembayaran hanya melalui dalam talian sahaja. Terdapat tiga kaedah pembayaran atas talian iaitu melalui bayaran zakat fitrah melalui Zakat Johor Online Payment (<http://www.payment.maij.gov.my>), Portal Johor Online Payment (JOP). (<https://onlinepayment.johorgov.my>) dan Portal SNAP N PAY Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Melalui kaedah imbas QR KOD menggunakan telefon pintar dan pembayar boleh membuat bayaran melalui pilihan 18 bank,” katanya.



21 Apr 2020

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Audience : 82,252 • Page: 24
Printed Size: 292.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white
ASR: MYR 4,941.54 • Item ID: MY0039464024

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@nsogov@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Hutan Simpan Kuala Langat Selatan terbakar

Kerajaan negeri mohon Maritim Malaysia guna pesawat padam 80 hektar kawasan terjejas

Kuala Langat: Kerajaan Selangor akan memohon bantuan Agensi Pengurusan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) melakukan pengeboman air menggunakan pesawat Bombardier CL-415 bagi mempercepatkan kerja pemadam kebakaran di Kompartment 21 Hutan Simpan Kuala Langat Selatan di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Hee Loy Sian, berkata ini kerana kebakaran yang mula dikesan pada Jumaat lalu kini merebak sehingga seluas 80 hektar berikutnya cuaca panas, kering dan berangin.

"Hutan yang terbakar ini tidak mempunyai jalan masuk dan

sumber air. Bagaimanapun, kita menempatkan dua jentolak untuk membuka jalan supaya pasukan bomba dan agensi berkaitan dapat masuk ke kawasan kebakaran.

"Kerajaan negeri juga mengaktifkan sebuah telaga tiub kira-kira 1.5 kilometer dari kawasan kebakaran untuk digunakan dalam kerja pemadaman api," katanya selepas meninjau kebakaran hutan simpan terbakar di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Norazam Khamis.

Loy Sian berkata, tanpa operasi pengeboman air oleh pesawat Maritim Malaysia, kerja pemadam kebakaran mungkin mengambil masa tiga hingga empat minggu untuk diselesaikan berbanding sepuluh hari dengan bantuan agensi itu.

Beliau berkata, 100 anggota JBPM Selangor; Majlis Perbandaran Kuala Langat, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Unit Pengurusan Bencana Selangor ditempatkan di hutan simpan berkenaan bagi melaksanakan kerja pemadaman kebakaran.

Katanya, pihaknya berharap

operasi pengeboman air oleh Maritim Malaysia dapat dilaksanakan seawal pagi ini bagi mengelak kebakaran hutan merebak ke kawasan lebih luas.

Mengulas punca kejadian itu, beliau berkata, ia disyaki akibat perbuatan tidak bertanggungjawab petani haram di kawasan hutan simpan terbakar melakukan pembakaran bagi membuka tanah pertanian baharu.

"Mereka mengusahakan tanaman kontan seperti ubi keledek, ubi kayu dan sayur-sayuran. Dianggarkan 300 petani haram merokai hutan simpan ini," katanya.

Loy Sian berkata, kerajaan negeri menghadapi kesukaran mengekang kegiatan pertanian golongan itu kerana mereka antara pembekal makanan terbesar kepada penduduk Selangor.

"Kawasan ini dan di Johan Setia, Klang antara dua lokasi tanah gambut yang membekalkan sebahagian besar sayur-sayuran kepada penduduk negeri ini. Oleh itu, kerajaan negeri perlu berhati-hati melakukan kerja pemutihan ke atas petani ini kerana kita tidak mahu bekalan makanan terjejas," katanya. BERNAMA



21 Apr 2020

Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Setempat • Audience : 112,705 • Page: 4
Printed Size: 133.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 5,239.39 • Item ID: MY0039466190



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Jais benar akad nikah melalui sidang video

Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) beri kebenaran kepada pasangan yang mahu melangsungkan akad nikah di Selangor dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) melalui sidang video bermula semalam.

Pengarah Jais, Mohd Shahzihan Ahmad dalam kenyataan di sini memaklumkan kebenaran itu diberikan dengan syarat bakal pengantin mendapat kelulusan khas Jais.

Menurutnya, satu tatacara terperinci serta ketetapan baharu yang strategik disediakan bagi memastikan pelaksanaan majlis itu meneuti hukum, dilaksanakan dengan standard yang wajar, mudah difahami serta diikuti oleh pasangan yang terabit kerana kaedahnya lain daripada kebiasaan.

"Sebelum ini, semua majlis akad nikah dalam tempoh PKP ditangguhkan selepas lima jurnukah Jais terpaksa dikuarantin kerana dikesan ada kontak dengan individu positif Covid-19 ketika bertugas (menikahkan



Kebenaran diberikan dengan syarat bakal pengantin mendapat kelulusan khas Jais"

Mohd Shahzihan Ahmad

pasangan pengantin).

"Pada 13 April lalu, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan untuk Jais memberikan kelulusan khas kepada pasangan yang tetap ingin bernikah dalam tempoh PKP ini.

"Justeru, Jais menguatkuasakan akad nikah secara kebenaran khas mulai hari ini (semalam) melalui lima langkah yang ditetapkan," katanya.

Berdasarkan tatacara berkenaan, Pengarah Jais akan memberi kebenaran khas itu selepas mendapat permohonan lengkap dan pemohon diberi penerangan mengenai proses nikah.



Kadi kena kuarantin



Jais tangguh semua akad nikah selepas lima jurunikh ada kontak dengan pesakit Covid-19

Disebabkan itu, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Mohd Shahzihan Ahmad berkata, pihaknya menangguhkan semua akad nikah di negeri itu dan hanya memberi kelulusan khas

kepada pasangan yang memenuhi syarat ditetapkan bermula semalam.

Katanya, keputusan itu selaras titah Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah yang prihatin terhadap keselamatan 6.5 juta rakyat Selangor dan tidak mahu berlakunya penularan Covid-19.

"Tatacara Pelaksanaan Majlis Akad Nikah di Selangor sepanjang 18 Mac 2020 hingga 17 April 2020 ditangguhkan demi keselamatan dan kemaslahatan semua pihak.

"Namun, pada 13 April 2020 Sultan Selangor berkenan untuk Jais memberikan kelulusan khas kepada pasangan yang tetap ingin bernikah dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.

"Sehubungan itu, Jais menyediakan satu tatacara yang terperinci dan membuat beberapa ketetapan baharu yang lebih strategik bagi memastikan upacara akad nikah menevati hukum, mempunyai standard pelaksanaan wajar, mudah difahami dan diikuti oleh pasangan kerana kaedah ini lain daripada kebiasaan, ia norma baru," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, Jais menguatkuaskan akad nikah secara kebenaran khas dalam tempoh PKP dengan ketetapan yang perlu dipatuhi pasangan dan maklumat mengenainya dimuat naik di Facebook rasmi.

Oleh Yusmizal
Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Lima Penolong Pendatar Perkahwinan (jurunikh) di Selangor terpaksa menjalani kuarantin selepas mempunyai kontak dengan pesakit Covid-19 ketika bertugas.




**Tatacara Pelaksanaan
Majlis Akad Nikah
di Selangor
ditangguhkan demi
keselamatan dan
kemaslahatan semua
pihak**
Mohd Shahzihan Ahmad



NELAYAN pantai Nordin Abdul Wahab, 55, menunjukkan hasil tangkapan selepas pulang menangkap ikan di laut di Pantai Kampung Cempaka, Kuantan, semalam.



GELANDANGAN bebas bergerak di dalam Pusat Transit Gelandangan di Arena Badminton Perak, semalam.



21 Apr 2020

Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Setempat • Audience : 112,705 • Page: 10,11
Printed Size: 1723.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 67,875.76 • Item ID: MY0039465690


PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3 BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



KUALITI udara sekitar ibu negara semalam lebih cerah susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memasuki fasa ketiga bagi mencegah penularan Covid-19 ketika tinjauan di Changkat Tunku, semalam.



PETUGAS Kesihatan Selcäre mengambil sampel dan keterangan daripada penghantar makanan yang hadir membuat saringan secara pandu lalu dan percuma bagi membendung penularan Covid-19 anjuran Kerajaan Negeri Selangor di Dewan Raja Muda Musa Seksyen 7, semalam.



PANTAI Chenang lokasi wajib singgah sekiranya bercuti di Langkawi untuk melakukan pelbagai aktiviti sukan air dan merakam gambar kenangan, kelihatan lengang susulan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu.



ANGGOTA tentera mengawal laluan keluar masuk jalan yang menghubungkan Pasar Borong Kuala Lumpur yang ditutup sementara susulan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), semalam.



Selangor terus rekod jumlah kes tertinggi

Kuala Lumpur: Tujuh negeri menunjukkan tiada pertambahan kes baharu positif Covid-19 dengan kawasan zon merah masih kekal 30 kawasan setakat jam 12 tengah hari kelmarin.

Menerusi infografik dikongsi Pusat Kesihatan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPKC) Kementerian Kesihatan (KKM), semalam menunjukkan Kedah kekal dengan 94 kes, Perlis (18), Pulau Pinang (119), Perak (252) Negeri Sembilan (405), Kelantan (155) dan Terengganu (109).

Sementara itu, Selangor terus mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 1,343 kes meliputi daerah Hulu Langat dengan 446 kes kumulatif, Petaling (375), Klang (173), Gombak (144), Sepang (70) dan Kuala Selangor mencatatkan 50 kes.

Manakala Kuala Lumpur mencatatkan 1,004 kes dengan Lembah Pantai kekal menjadi kawasan mempunyai kes ter-



PETUGAS Kesihatan Selcare mengambil sampel dan keterangan daripada individu ketika melakukan saringan komuniti dari rumah ke rumah secara percuma bagi membendung penularan Covid-19 anjuran Kerajaan Negeri Selangor di sekitar Kampung Rantau Panjang, Klang.

tinggi iaitu 628 kes dicatatkan berbanding 613 kes kelmarin diikuti Kepong dengan 157 kes, Titiwangsa (134) dan Cheras (85) kes kumulatif.

Selain itu, kawasan zon merah di Melaka Tengah menun-

juangkan peningkatan kes kumulatif mendadak iaitu 88 kes berbanding 51 kes kelmarin iaitu bertambah 37 kes.

Kes terendah dengan masing-masing merekodkan satu kes di sembilan daerah iaitu

Baling, Padang Terap, Bandar Bahru dan Sik di Kedah; Raub di Pahang; Matu, Mukah dan Lawas, Bau di Sarawak.

Keseluruhannya ada 5,389 kes berbanding 5,305 sehari sebelumnya.



21 Apr 2020
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Audience : 140,000 • Page: 22
Printed Size: 297.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 6,296.40 • Item ID: MY0039463893

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@ssn.org.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



LZS turut menggalakkan golongan berkemampuan untuk menuaikkan zakat fitrah mengikut harga beras dimakan setiap hari.

SHAH ALAM - Kadar zakat fitrah ditetapkan untuk umat Islam di Selangor tahun ini kekal sebanyak RM7, iaitu kadar sama sebagaimana tahun sebelumnya.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor (LZS), Saipolyazan M Yusop berkata, pengekalan kadar tersebut selaras dengan ketetapan dibuat Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.

"Penetapan kadar zakat fitrah RM7 adalah berdasarkan kepada harga bagi 2.6 kilogram beras Super Tempatan Gred A yang lazimnya digunakan oleh masyarakat di Selangor," katanya pada sidang akhbar khas LZS semalam.

Kadar zakat fitrah Selangor kekal RM7

Beliau berkata, LZS turut menggalakkan golongan berkemampuan untuk menaikkan zakat fitrah mengikut harga beras dimakan setiap hari bagi diri dan tanggungan.

"Dalam situasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta kegawatan ekonomi ketika ini, ramai umat Islam yang hilang punca pendapatan dan mungkin termasuk dalam golongan yang tidak berkemampuan.

"Namun, zakat fitrah tetap wajib ditunaikan oleh seorang Muslim untuk diri dan keluarga atau tanggungannya. Bagi individu yang kemampuan ekonominya terbatas ketika ini, mereka boleh menunaikan zakat fitrah mengikut kemampuan diri dan keluarga," katanya.

Saipolyazan berkata, LZS menyediakan kemudahan kepada orang ramai untuk membayar zakat fitrah dan juga harta melalui pelbagai platform pembayaran dalam talian yang lebih pantas dan selamat.

"Antaranya EZakatPay dengan me-layari <https://fpz.zakatselangor.com.my>, perbankan internet di sembilan bank iaitu Public Bank, Hong Leong Bank, Maybank, CIMB, Ambank, Bank Rakyat, RHB, Bank Islam dan Alliance Bank.

"Orang ramai juga boleh melayari portal MyEg, Pos Online dan pembayaran aplikasi e-dompet GoPayz dan Boost," katanya.

Jelasnya, LZS turut meletakkan QR Code di lokasi terpilih untuk memudahkan masyarakat mengakses terus ke platform pembayaran dalam talian EZakatPay, selain turut menyediakan kemudahan pembayaran fidyah melalui EZakatPay dengan me-layari <https://fpz.zakatselangor.com.my>.

"Bagi tujuan semakan dan mencetak penyata bayaran zakat yang telah dilakukan, pembayar zakat boleh layari <https://ezo.zakatselangor.com.my>," katanya.



21 Apr 2020

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Audience : 140,000 • Page: 22
Printed Size: 186.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 3,943.20 • Item ID: MY0039463909



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Roboh, sita kolam ternakan ikan keli

HULU SELANGOR - Sebuah kawasan kolam ternakan ikan keli di Hulu Selangor disita manakala strukturnya dirobohkan selepas menjadi punca pencemaran bau di empat loji rawatan air (LRA) di negeri ini Khamis lalu.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dalam kenyataannya memaklumkan, operasi perrobohan dilakukan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak pagi semalam.

“Kerja-kerja penyitaan dan perrobohan turut disertai Bahagian Penguatkuasaan SPAN dan tindakan diambil berdasarkan undang-undang,” katanya menerusi kenyataan di Facebook SPAN semalam.

Menurut kenyataan itu, selain Pejabat Daerah dan

Tanah Gombak, agensi lain yang terlibat akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan akta masing-masing bagi memastikan pihak yang bertanggungjawab menerima hukuman setimpal.

“Tindakan perrobohan dan penyitaan ini ialah isyarat jelas bahawa tindakan tegas tanpa kompromi akan diambil ke atas pihak yang mencemarkan sumber air di negara ini,” katanya.

Sinar Harian pada Jumaat lalu melaporkan, sebuah kolam ternakan ikan keli seluas 27.52 hektar di Hulu Selangor didakwa menjadi punca pencemaran bau yang berlaku di empat loji rawatan air (LRA) di negeri ini hingga terpaksa dihentikan operasi kelmarin.



Operasi perrobohan kolam ternakan ikan keli dilakukan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak pagi semalam.



Lelaki asah bakat memasak ketika PKP



ANALISIS
MUKA 16

ZUBIR SULAIMAN

Memasak cukup sinonim dengan golongan wanita, mana mungkin penulis mahu menidakkannya masakan ibu yang pastinya menjadi hidangan yang ditunggu-tunggu tatkala berada di meja makan hatta hanya hidangan nasi goreng kosong untuk bersarapan pagi sekalipun.

Apatalah lagi dalam bulan Ramadhan yang bakal menjelma tidak lama lagi. Pastinya ‘air tangan ibu’ paling dirindukan buat mereka yang berjauhan dengan keluarga.

Begitupun, bukan itu yang penulis ingin utarakan ketika rakyat Malaysia perlu patuh dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam memutuskan rantaian pandemik koronavirus (Covid-19) yang melanda negara ketika ini.

Sebaliknya, apa yang ingin penulis sampaikan di sini ialah peranan ketua keluarga yang digalas oleh kaum Adam ketika ini, di mana rata-rata mereka mungkin tidak mengenali pelbagai jenis sayur-sayuran, rempah ratus dan juga ikan di pasar yang sebelum ini hanya di pandang enteng.

Jika pada fasa awal PKP, mereka mungkin masih terkial-kial untuk memilih mana satu daun sup dan mana satu daun ketumbar atau membezakan ikan kembung dengan ikan selar, tetapi selepas PKP memasuki fasa ketiga, tugas membeli

barang keperluan harian bukan lagi menjadi sesuatu yang sukar buat mereka.

Malah, ada segelintir daripada mereka juga sudah mampu mengambil alih tugas golongan wanita untuk menyediakan hidangan buat keluarga masing-masing dan ini adalah antara sisi positif yang ingin diketengahkan ketika negara melaksanakan PKP sejak 18 Mac lalu.

Apa yang penulis cuba sampaikan di sini bukanlah retorik semata-mata dan tiada niat untuk menidakkannya kepakaran kaum Hawa di dapur atau memuji golongan lelaki, tetapi jika kita lihat di media-media sosial seperti di Facebook, Instagram dan juga Twitter terbukti kebolehan serta kemampuan mereka dalam menyediakan masakan amat mengagumkan.

Bermula dengan memasak makanan yang asas dengan bantuan isteri mahupun sekadar berpanduan resipi-resipi di media sosial bagi mereka yang bujang, mereka sememangnya telah membuktikan bahawa lelaki juga mampu mengasah bakat terpendam sehingga ada yang sudah pandai masak gulai, membuat kuith dan sebagainya.

Tidak kurang juga ada yang menjadikannya sebagai punca pendapatan sampingan pada sepanjang tempoh PKP ini apabila masakan mereka ‘menjadi’ dan ada permintaan daripada rakan-rakan terdekat, lebih-lebih lagi agak sukar untuk mendapatkan makanan yang memenuhi selera kita di luar sana ketika ini.

Kalau adapun hanyalah restoran-restoran mamak ataupun rangkaian makanan segera, tetapi sampai bila tekak kita mampu menjamah makanan yang sama setiap hari dan pastinya makanan

yang dimasak sendiri sahaja yang mampu membuatkan kita sendawa kekenyangan.

Justeru, pesanan buat golongan lelaki sama-sama kita memanfaatkan tempoh PKP ini dengan sebaik mungkin bukan sekadar hanya duduk di rumah tunggu hidangan di meja makan yang dimasak oleh ibu, isteri atau kakak, sebaliknya meringankan tugasan sehari-hari mereka dengan turut masuk ke dapur membantu apa yang perlu.

Bagi mereka yang sudah berjaya memasak dan menyediakan hidangan buat keluarga, penulis ucapkan syabas kerana memasak bukan sesuatu yang mudah. Sekiranya masakan itu ‘menjadi’ dan sedap pastinya kita turut berbangga dengan hasil air tangan kita sendiri tetapi jika sebaliknya usah berputus asas kerana dalam masakan sentiasa ada ruang untuk ditambah baik dengan serbuk perasa ataupun *paste* segera yang berada di pasaran untuk dicuba.

Bahkan penulis sendiri yang ada *basic* dalam bidang masakan sekali pun adakalanya apa yang dimasak itu tidak menjadi dan berakhir di perut tong sampah. Apa yang pasti, kaum Adam perlu mengambil kesempatan ini untuk mempelajari dan menambah baik kemahiran yang ada bukan untuk menyaingi golongan wanita sebaliknya saling melengkapinya antara satu sama lain.

Jadi manfaatkanlah tempoh pelaksanaan PKP ini dengan perkara-perkara yang berfaedah dan mempelajari bidang masakan bukanlah sesuatu yang merugikan kerana mungkin ‘air tangan’ kita mampu menggembirakan perut orang lain.



21 Apr 2020

The Star, Malaysia


Author: Hemananthani Sivanandam • Section: Nation • Audience : 175,986 • Page: 1,5
Printed Size: 787.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 39,607.00 • Item ID: MY0039465042



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2



Upsurge in dengue cases recorded

Doctor: Don't forget how dangerous this disease is amid focus on Covid-19

By HEMANANTHANI SIVANANDAM
hemananthani@thestar.com.my

PETALING JAYA: There is so much attention on Covid-19 that many people forget that the nation is battling another deadly disease at the same time - dengue.

Many Covid-19 hotspots are also hotspots for dengue, especially in Selangor and Kuala Lumpur. On Sunday, the number of new dengue cases outnumbered those of Covid-19.

That day, 139 new cases of dengue were reported throughout the country, according to the government's iDengue portal. Between Jan 1 and April 18 this year, 63 people have died of the disease.

As for Covid-19 cases in Malaysia, 84 people tested positive on Sunday. Yesterday, there were another 36 cases, bringing the total number of local cases to 5,425.

According to iDengue, a total of 37,840 cases were reported between Dec 29 last year and April 19. From April 2 to April 19 alone, there were 2,725 cases.

Health Ministry data shows that Selangor has the highest number of dengue cases, with 22,826 from Dec 29 to April 19. This is followed by Johor (3,106) and Kuala Lumpur (2,854).

Many areas in Selangor, especially in the Hulu Langat, Petaling and Hulu Selangor districts, are considered hotspots for dengue, where the disease has been detected for over 30 days.

Selangor also appears to be a hotspot for Covid-19 cases. Its cumulative total of 1,345 cases as of yesterday is the highest among the states and Federal Territories.

This is followed by Kuala Lumpur,



Be careful: A man walking past a bunting warning about dengue at an apartment in Taman Cheras, Kuala Lumpur.

with 1,008 cases, including four new ones reported yesterday.

According to the Health Ministry, as of Sunday noon, areas in Selangor such as the Petaling, Hulu Langat, Gombak, Klang, Sepang and Hulu Selangor districts were deemed Covid-19 red zones.

Hulu Langat had 446 cumulative Covid-19 cases, followed by Petaling with 375 cases.

In Kuala Lumpur, among the areas with a large number of Covid-19 cases were Lembah Pantai (628 cumulative cases), Keppong (157) and Titiwangsa (134).

It was reported that in 2018, there were a total of 80,615 dengue cases and 147 people died of the disease. The year before, there were 83,849 cases and 177 deaths.

The highest number of cases recorded in the past decade was in 2015, with 120,835 cases and 336 deaths.

In an interview with Bernama, Universiti Kebangsaan Malaysia public health specialist Associate Prof Dr Rozita Hod expressed her concern that the threat posed by dengue may have been forgotten amid the Covid-19 crisis.


Dengue fever is caused by four different types of viruses transmitted to humans by a bite from the female Aedes mosquito of the aegypti and albopictus species.

"As we all know, dengue is dangerous as it can cause death and there is no specific cure for it."

"Right now while we are busy fighting Covid-19, people are starting to forget how dangerous dengue is," Dr Rozita told Bernama, adding that like Covid-19 cases, dengue infections were also rising.

She said though there were more Covid-19 deaths in Malaysia than dengue fatalities this year, dengue should not be taken lightly as it had

Top 5 hotspots for dengue cases in Selangor



Source: iDengue portal

directly affected more people than Covid-19.

"The number of Covid-19 cases in Malaysia stood at 5,389 as of Sunday, but in the case of dengue, over 30,000 cases were reported between Dec 29 and April 7," Dr Rozita pointed out.

Not all dengue cases are treated in hospitals as only those suspected

to have dengue hemorrhagic fever are warded; the rest are given fever medicine but are required to go for follow-up checks at the nearest clinic, she explained.

Considering that government hospitals and clinics are now busy handling Covid-19 cases, the last thing they would want is an upsurge in dengue cases.

The Star graphics



21 Apr 2020

The Star, Malaysia

Author: No author available • Section: Nation • Audience : 175,986 • Page: 12
Printed Size: 122.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 6,163.41 • Item ID: MY0039464904

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



Muslims need Jais approval to get married

SHAH ALAM: Muslim couples wanting to get married in Selangor during the movement control order (MCO) period can have their marriage solemnisation ceremony done via video conference, subject to special approval from the Selangor Islamic Religious Department (Jais).

Jais director Mohd Shahzihan Ahmad, in a statement here yesterday, said a detailed procedure and new regulations had been prepared to ensure the ceremony complied with Islamic law while being fair and easy to understand.

According to the procedure, the Jais director will only issue the special approval after receiving a completed application form and after the applicants have been informed of the solemnisation process.

Applicants will then be informed of the date of their ceremony during which the couple will be solemnised via video conference.

Once the MCO period is over, the applicants are required to present themselves at the nearest district Islamic religious office to submit the temporary marriage slip to get the Selangor Marriage Certificate according to Section 26 of the Islamic Family Law (State of Selangor) Enactment 2003.

Prior to this, all marriage solemnisation ceremonies in Selangor were postponed during the MCO period after five Jais marriage solemnisation officers had to be quarantined for having close contact with individuals infected with Covid-19 while on duty. — Bernama



Author: No author available • Section: Nation • Audience : 175,986 • Page: 11
Printed Size: 102.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 5,153.01 • Item ID: MY0039464953

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setia@selangor.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Selangor launches Ops Sumber Air

PETALING JAYA: Selangor has launched a round-the-clock “Ops Sumber Air” to check pollution that could disrupt water supply in the state.

The operation along main river basins in the state started on April 17 and would be carried out until May 31.

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) said surveillance would be conducted along Sungai Selangor and Sungai Langat basins which included Sungai Semenyih.

“Measures are also taken to ensure that those carrying out the surveillance strictly observe the safety and health guidelines imposed in the wake of the Covid-19 pandemic,” it said in a statement.

LUAS, which is spearheading a task force to ensure a disruption-free water supply, said other agencies involved in the effort included the Department of Environment, Pengurusan Air Selangor, Indah Water Konsortium, Selangor Disaster Management Unit, National Water Services Commission, District and Land Office, local governments as well as the police.

LUAS, in its capacity as Selangor’s pollution and national water resources contingency committee secretariat, would act as the task force coordinator.



21 Apr 2020
The Star, Malaysia

Author: DR MOHAMED RAFICK KHAN ABDUL RAHMAN Ampang • Section: Letters
Audience : 175,986 • Page: 14 • Printed Size: 206.00cm² • Region: KL
Market: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 4,925.00 • Item ID: MY0039465026

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,
TINGKAU BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Evaluate immunity of general population

THE routine now for most people in Malaysia is to watch the 5pm briefing by Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah on the Covid-19 situation in our country. Malaysians are hopeful of resuming their normal activities soon in view of the dropping number of Covid-19 cases being detected nationwide.

To put matters into perspective, we should look at the dengue outbreak. Based on the Health Ministry Crisis Preparedness and Response Centre's (CPRC) data, 21,190 cases of dengue with up to 24 deaths were reported in Malaysia in the first seven weeks of 2020.

Comparatively, Covid-19 affected 5,389 people with 89 deaths from Jan 25, 2020, i.e. over a period of more than 19 weeks.

